



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |   |    |
|---|----|
| - Penduduk bantah MPAJ roboh penghadang | 57 |
|---|----|

**Harian Metro**

- |                                |    |
|--------------------------------|----|
| - MPAJ 'borong' barang penjaja | 73 |
|--------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk bantah MPAJ roboh penghadang
Muka Surat	57

**UTUSAN KOTA | 57**



PENDUDUK membantah tindakan MPAJ mahu meroboh penghalang laluan yang dibina untuk menghalang kemasukan jentera berat di Jalan UB 2A Uky Bistari, Ampang, Selangor, baru-baru ini.

## Penduduk bantah MPAJ roboh penghadang

ur 26/9/18  
n/s 57

**AMPANG 25 Sept.** - Sebanyak 200 penduduk di Taman Uky Bistari di sini membantah tindakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mahu meroboh halangan yang dibina bagi menyekat kenderaan berat memasuki kawasan perumahan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Penduduk, Ghazali Mohamad berkata, tindakan merobohkan penghadang itu akan membenarkan lebih banyak kenderaan masuk dan mengganggu kesesakan lalu lintas di taman berkenaan selain membahayakan kanak-kanak.

"Penghadang yang dibina oleh penduduk sejak setahun lalu bertujuan menghalang lori daripada melalui kawasan perumahan ini kerana jalan yang sedia ada terlalu sempit dan sibuk dengan kenderaan penduduk.

"Surat bantahan yang mengandungi tandatangan penduduk taman telah dikhaskan kepada pihak MPAJ, namun semua itu sia-sia.

"Sekarang mereka mahu merobohkan penghadang kami pula," katanya kepada pemberita dalam majlis bantahan yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Klang, Saari Sungip hari ini.

Sementara itu, seorang

Kee, 43, berkata, bantahan mengenai pembinaan jalan ke kondominium sebelum itu telah dibincangkan dengan pihak MPAJ dan mereka bersetuju untuk tidak menggunakan jalan UB2A ini sewenang-wenangnya.

"Pihak MPAJ telah berjanji untuk menyediakan laluan alternatif kepada penduduk di kondominium berhampiran tetapi pembinaan jalan berkenaan tetap diteruskan sehingga selesai," ujarnya.

Dalam perkembangan sa-

ma, Saari Sungip berkata, pihaknya mahu MPAJ memberikan penjelasan mengenai perkara itu sama ada penyelesaian dibuat dengan melebaran jalan di kawasan tersebut atau tidak merobohkan penghadang jalan itu.

"Saya sedia menjadi orang tengah dalam perundingan antara pihak MPAJ dan penduduk di sini bagi mencari jalan penyelesaian yang akan memberi kemenangan kepada kedua-dua pihak," kata-

**Sedia Didiami**  
Rumah Teres 2 Tingkat  
22' x 65'

• Pegangan Bebas • Komuniti Berpengawal  
• Skim Ansuran Deposit dengan 6% Faedah \* Tertakluk kepada termu dan syarat

Talian Teleg: Sdn Bhd (681630-D)  
1800-222-4567 | [www.ijm.com.my](http://www.ijm.com.my)

**ijm land**



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MPAJ 'borong' barang penjaja
Muka Surat	73

**HARIAN METRO**

# MPAJ 'borong' barang penjaja

**Ikan, sayur milik warga asing dirampas**

Hafizul Hilmie Mohd Noor  
hafizul@NSTP.com.my

**Kuala Lumpur**

**M**ajlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyita barang milik penjaja haram warga asing dalam serbuan di dua lokasi di Kampung Tasek Permai dan Klinik Kesihatan Ampang disini, kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam MPAJ Norhayati Ahmad berkata, operasi dijalankan susulan aduan orang ramai berhubung kegiatan warga asing berkenaan.

"Operasi diketuai Penolong Pegawai Pengawas, Rosli Jaafar dan 20 anggota

merampas pelbagai barang milik penjaja berkenaan. "Antara barang dirampas adalah 26 kotak ikan, 11 bakul berisi sayur, 14 ekor ayam, dua tong, satu kereta kecil dan enam kerusi," katanya.

tanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Norhayati berkata, ketika serbuan dijalankan semua peniaga warga asing yang menjaja secara haram itu melarikan diri.

BEBERAPA buah sayur milik penjaja haram dirampas anggota MPAJ.

"Pemeriksaan mendapat semua peniaga berkenaan tidak mempunyai lesen dan permit sah untuk menjalankan aktiviti penjaja.

"Operasi tamat jam 12 tengah hari dan MPAJ tidak akan berkompromi dengan pilih yang mrelanggar peraturan," katanya.

Katanya, tindakan sita diambil mengikut Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Penjaja (MPAJ) 2007.

"Tindakan berterusan akan dijalankan terhadap warga asing yang masih berdegil menjalankan perniagaan secara haram," katanya.